



7 Mac 2017
7 March 2017
P.U. (B) 126

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERISYTIHARAN LEBUH RAYA BARU PANTAI SEBAGAI JALAN WILAYAH PERSEKUTUAN YANG DITETAPKAN

DECLARATION OF THE NEW PANTAI HIGHWAY AS A DESIGNATED FEDERAL TERRITORY ROAD



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERISYTIHARAN LEBUH RAYA BARU PANTAI SEBAGAI JALAN
WILAYAH PERSEKUTUAN YANG DITETAPKAN

Menurut takrif “jalan Wilayah Persekutuan yang ditetapkan” dalam seksyen 67 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*], Menteri, setelah berunding dengan Dato Bandar Kuala Lumpur, mengisytiharkan bahagian jalan yang dikenali sebagai Lebuhraya Baru Pantai yang bermula dari—

- (a) kilometer 8.76 di Jalan Klang Lama sebelum persimpangan Taman Sri Sentosa di koordinat S 10082.523, B 4678.183 dan berakhir di kilometer 14.00 di Jalan Bangsar di koordinat S 5790.536, B 3082.344 termasuklah Persimpangan Bertingkat Pantai Dalam, Plaza Tol Pantai Dalam, Persimpangan Bertingkat Lembah Pantai, Persimpangan Bertingkat Pantai Baharu dan tanjakan dari Lebuhraya Persekutuan Laluan II menuju ke arah Subang Jaya di koordinat S 6513.4333, B 2845.8034, iaitu suatu jarak sepanjang 5.24 kilometer;
- (b) kilometer 14.10 Persimpangan Bertingkat Pantai Dalam di koordinat S 8922.3154, B 3538.6355 dan berakhir di kilometer 17.10 Persimpangan Bertingkat Taman Desa di koordinat S 8781.500, B 1176.789 termasuklah jalan sambungannya, iaitu suatu jarak sepanjang 3.0 kilometer; dan
- (c) kilometer K0.0 Tanjakan Hubungan Kuchai di koordinat S 9418.000, B 1063.000 dan berakhir di kilometer K1.0 di koordinat S 8836.000, B 1762.00 termasuklah jalan sambungannya, iaitu suatu jarak sepanjang 1.0 kilometer,

sebagai jalan Wilayah Persekutuan yang ditetapkan berkuat kuasa mulai 8 Mac 2017.

2. Jalan yang diisytiharkan sebagai jalan Wilayah Persekutuan yang ditetapkan itu ditunjukkan dalam peta dalam Jadual.

Pembatalan

3. Perisytiharan Lebu Raya Baru Pantai Sebagai Jalan Wilayah Persekutuan Yang Ditetapkan [*P.U. (B) 227/2004*] dibatalkan.

JADUAL [perenggan 2] PETA LEBUH RAYA BARU PANTAI

